

**Borang Usul Pengurus KKP 2024 Bagi Mesyuarat Jawatankuasa
Keselamatan dan Kesihatan (JKK) Kali ke-60 Bil. 1/2024
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

Nama : Ts. Dr. Tan Wee Choon
No. Staf : 0101272
No. Telefon : 012-5515918
Jabatan : Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal

Saya seperti nama di atas adalah Pengurus KKP di Jabatan masing-masing ingin mengemukakan usul untuk dibentang dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) Kali ke-60 Bil. 1/2024 seperti berikut:


1. Seperti dalam usul dari FKTM untuk Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) Kali ke-58 Bil. 3/2023 di mana terdapat keperluan penambahbaikan proses-proses pemeriksaan dan penaiktarafan sistem keselamatan bangunan secara perancangan strategik terutamanya proses yang akan mengakibatkan ketidak-berfungsi sistem tersebut. Didapati bahawa kedua-dua insiden kebakaran di FKTM pada 30 Jan 2024 di bangunan merah muda dan 22 Feb 2024 di bangunan ungu, sistem alarm kebakaran dan sistem pencegahan kebakaran – water sprinkler, tidak dapat berfungsi akibat daripada proses penaiktarafan. Malangnya, kegagalan sistem tersebut berfungsi dengan baik atau kegagalan sistem berfungsi akibat daripada proses penaiktarafan tidak dimaklumkan kepada penghuni bangunan atau pengurus KKP yang berkaitan dengan lebih awal. Mohon jasa baik untuk **memaklumkan proses penaiktarafan dan kemungkinan kegagalan sistem kepada penghuni bangunan atau pengurus KKP** sebab kemungkinan akan mengakibatkan kerugian nyawa. Turut disarankan pihak yang terlibat untuk **menyediakan kaedah alternatif untuk menggantikan sistem yang sedang rosak atau dimatikan** akibat daripada proses penaiktarafan.
2. Kejadian kebakaran di bilik pensyarah FKTM di bangunan ungu telah menimbulkan ancaman keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada ahli-ahli pasukan pemadam dan penyelamat, ERT. Dimaklumkan bahawa semasa kejadian ini, pihak bomba telah mengambil masa yang lebih panjang berbanding dengan keadaan biasa semasa latihan pengungsian bangunan. Kerugian dapat dikurangkan atas usaha pasukan pemadam dan penyelamat, ERT yang berjaya melawan sampai memadamkan api sebelum ketibaan pihak bomba. Kejadian kebakaran ini telah menggunakan 3 tong pemadam api serbuk ABC bersaiz 9kg dan hose air. Akan tetapi, **ahli-ahli pasukan pemadam dan penyelamat, ERT ini tidak dilengkapi dengan sebarang peralatan PPE atas sebab PPE tidak disediakan buat masa sekarang**. Asap hitam yang tebal akan mengancam kesihatan dan keselamatan ahli-ahli pasukan pemadam dan penyelamat yang berhadapan dengan api. Tanpa PPE yang sesuai mungkin akan mengancam

nyawa ahli-ahli pasukan pemadam dan penyelamat. Disarankan kepada pihak pengurusan tertinggi universiti untuk **mempertimbangkan penyediaan sekurang-kurangnya satu atau dua set PPE lengkap di setiap zon untuk mengatasi kemungkinan kejadian kebakaran pada masa hadapan.** Disebabkan kekangan peruntukan kewangan ke pihak fakulti terutamanya untuk pengurusan KKP, mohon persediaan PPE baharu ini **ditanggung oleh kewangan universiti** memandangkan keberkesanan api dipadam dapat membantu untuk mengurangkan kerugian universiti.

3. Pada 6 March 2024, telah berlaku kemalangan yang membabitkan kaki seorang pelajar jatuh dan tersekat di penutup longkang di hadapan kawasan bangunan ungu. Siasatan awal JPKPKP FKTU mendapati bahawa terdapat masalah reka bentuk penutup longkang tersebut. **Saiz lubang-lubang penutup longkang yang agak besar (60 cm x 9.16 cm) yang kurang faktor ergonomik kepada pejalan kaki, terutama golongan remaja, kaum wanita dan saiz badan kecil.** Reka bentuk ini mendatangkan risiko yang mana kaki seseorang boleh terpijak masuk melalui lubang penutup longkang dan tersekat padanya. Mohon **kajian semula terhadap penutup longkang dari Jabatan Pembangunan atas keperluan rekaan saiz lubang** tersebut. Sekiranya tiada keperluan untuk saiz lubang yang sebesar ini, mohon **tindakan diambil samada untuk mengecilkan saiz lubang atau menukar-ganti penutup longkang dengan penutup yang mana saiz lubang yang ergonomik ke atas semua penutup longkang di kampus.** Sekiranya terdapat keperluan saiz lubang penutup longkang yang besar ini, mohon **rekaan kejuruteraan dapat dilakukan ke atas penutup-penutup longkang atau menyediakan laluan pejalan kaki yang selesa yang menghubungkan bangunan ungu dengan bangunan biru untuk mengalakkan pejalan kaki menggunakannya.**
4. Mohon untuk **penambahan penutup longkang di tepi jalan mekatronik/pembuatan terutamanya sebelah bangunan ungu yang berdekatan dengan bulatan jalan mekatronik/pembuatan.** Kebanyakan penutup longkang telah dialih samada sengaja atau tanpa sengaja mahupun telah hilang. Susunan penutup longkang yang mempunyai jarak juga mendatangkan hazard kepada pejalan kaki akibat daripada tiada laluan pejalan kaki antara kedua-dua bangunan ungu dan biru. Ketiadaan penutup longkang turut menjadi potensi hazard kepada pemandu kenderaan bersaiz besar seperti bas dan penunggang motorsikal ketika melalui bulatan tersebut.
5. Turut diperhatikan bahawa terdapat penutup longkang yang terbuka dan diletakkan di sebelah lokasi asalnya. Hal ini menyebabkan tiada penutup di tempat yang sepatutnya mempunyai penutup longkang. **Penambahan SOP atau penambahbaikan dalam SOP untuk memastikan penutup longkang ditutup semula** perlu dinyatakan dan dipastikan dalam tatacara pembersihan longkang atau kerja-kerja yang memerlukan alih penutup longkang.
6. Mohon pihak pengurusan tertinggi universiti untuk **mempertimbangkan peruntukan kewangan atas pengurusan KKP secara berpusat di peringkat universiti.** Pengurus KKP PTj dapat memohon peruntukan kewangan atas pengurusan KKP dari budget berpusat ini. Sebagai contoh, kelonggaran pengurusan bahan kimia dari para penyelidik telah mendatangkan risiko pengurusan terutamanya proses penyimpanan bahan kimia yang bersesuaian. Para penyelidik kebanyakan hanya pohon pembelian bahan-bahan kimia dalam grant penyelidikan tanpa ambil kira penyimpanan bahan kimia sebab difikirkan bahawa pihak fakulti mempunyai tempat penyimpanan yang masih mencukupi atau

secara haram simpan di bilik masing-masing. Apabila dikesan, bahan-bahan kimia yang terutamanya mendatangkan hazard kebakaran, hazard terhakis, dan sebagainya memerlukan rak simpanan bahan kimia yang direka khas dengan sistem pengudaraannya. Rak ini agak mahal. Peruntukan kewangan fakulti yang terhad telah mengurangkan kemungkinan pembelian rak penyimpanan bahan kimia ini.

Sekian, terima kasih,


.....
DR TAN WEECHOON
Senior Lecturer

Tarikh: *11/2/2024*
Mechanical Engineering Programme
Faculty of Mechanical Engineering Technology
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Email: tweechoon@unimap.edu.my

Melalui,


.....

(**PROF. IR. TS. DR. SHAHRIMAN ABU BAKAR**
Dekan
Tarikh: Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM)
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Email: shahriman@unimap.edu.my